


Pelajar UMS sertai kursus Pengurusan Acara

Oleh WAN SITI SUHANA YUSUF
utusanborneokk.yahoo.com
18 06-07-2012 B6.

KOTAKINABALU:Seramai 45 mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengikuti Kursus Pengurusan Acara dan Semangat Berpasukan bagi sesi 2012 hingga 2013.

Kursus yang dijalankan selama dua hari satu malam di Bilik Seminar HEP itu bertujuan memberi pengetahuan dan kemahiran asas kepada mahasiswa dalam pengurusan acara juga kemahiran dan ketahanan mental, fizikal berkenaan aspek-aspek kepimpinan dan pengurusan.

Pemangku Ketua Bahagian Pengembangankumpulan Event Management Waktu Prima Sdn Bhd, Rohani Hadi berkata usaha untuk menjayakan sesebuah program bukanlah mudah kerana pengorbanan serta ketahanan mental dan fizikal



SALAH satu aktiviti perlu penglibatan semua peserta.

perlu ada dalam diri.

Tambahnya, ia juga sekaligus dapat membantu mahasiswa bertanggungjawab

dalam merancang, mengurus dan mengendalikan apa jua acara dalam usaha mencipta kesempurnaan dan

kejayaan acara yang telah dikenalpasti.

"Kepentingan membina sikap kerjasama berpasukan

meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah melalui sikap profesional, kebijaksanaan dan keseragaman," katanya.

Pengurusan Program Universiti sebelum ini dikendalikan oleh pegawai dengan kerjasama pelajar tetapi bermula tahun ini ianya diselenggarakan oleh para pelajar dan pegawai sebagai penasihat.

Rohadi berkata, ini merupakan cabaran besar yang perlu dipimpin oleh pelajar bagi memastikan pelaksanaan program itu berjaya.

"Tahniah kepada semua yang menyertai program ini dan diharapkan ia dapat memberi impak yang tinggi kepada para peserta di samping menjadikan ianya sebagai langkah bagi kerjasama berterusan dalam melaksanakan sesuatu program pada masa akan datang," katanya.

Kursus ini telah dikendalikan oleh penceramah dari Kumpulan Event Management Waktu Prima yang dianjurkan oleh Seksyen Latihan, Bahagian Pengembangan Potensi Pelajar HEP yang dikendalikan oleh Norhana Nordin selaku peyelaras program.

Dalam pada itu, beberapa peserta memberikan komen yang hampir sama berhubung kebaikan Kursus Pengurusan Acara dan Semangat Berpasukan bagi sesi 2012 hingga 2013 itu.

Pelajar Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Rano Karno AK Kedit berkata banyak ilmu yang dia perolehi bukan sahaja dalam bidang pengurusan acara tetapi juga ilmu untuk membentuk satu pasukan bagi memastikan sesuatu program atau acara itu berjaya.

"Setiap aktiviti yang dijalankan juga mempunyai

nilai-nilai pengajaran dan pembelajaran yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan sebagai pelajar," katanya.

Hasmir Mohd Arafah pula berkata: "Saya amat gembira mengikuti program ini dan amat bertuah kerana terpilih untuk menerima ilmu, pengalaman dan perkongsian yang amat baik."

"Saya berharap dapat mengikuti program-program akan datang yang boleh membantusayameningkatkan potensi diri seperti yang dianjurkan oleh penceramah program ini. Tahniah Bahagian Pengembangan Potensi Pelajar HEP," katanya.

Sementara pelajar Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial, Muliana Tahir berkata: "Semasa mengikuti program ini, kami banyak didedahkan dengan pelbagai kemahiran untuk mengendalikan program di mana kami juga dapat menambah ilmu pengetahuan mengenai teknik-teknik dan cara untuk memastikan program yang kami laksanakan itu akan berjaya."

Mohd Noor Atiq Abd Rahman juga pelajar Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial berkata, program itu telah memberikannya banyak pengetahuan, kemahiran serta pengalaman yang baru untuk dipraktikkan pada masa akan datang dalam pengurusan sesuatu program.

"Ianya sangat berguna kerana mampu melahirkan pelajar yang berkemahiran tinggi selaras dengan kehendak UMS untuk melahirkan pelajar yang bekualiti tinggi sehingga ke peringkat antarabangsa.

"Diharapkan akan ada lagi kursus seperti ini di masa akan datang," katanya.



PARA peserta mengambil bahagian dengan penuh minat dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan